

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 1, Halaman 8-15

Peranan Ibu Bapa terhadap Pembelajaran al-Quran Secara Atas Talian

The Role of Parents in Learning the Quran Online

Rohana Zakaria ^{1*}, Hayati Hussin² & Wan Zarifah Binti Wan Bahanudin ³

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Selangor.

² Fakulti Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

³ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Selangor.

* Corresponding Author: Your Name. Department, Faculty, Name of University, Postal Code, Country, e-mail, Phone Number, ORCID iD.

ABSTRACT

The pandemic that hit the country has caused the learning of the Quran that was previously done face-to-face to be done online. So, this study aims to see parents' perception of the role that affects learning the Quran online. This study was conducted at an Islamic Primary School in the state of Kelantan, which is Al-Amin Tropicana Islamic Primary School in Kota Bharu, Kelantan. A total of 103 respondents consisting of first grade to sixth grade students were involved in this study. The instrument used in this study uses a quantitative approach through the distribution of questionnaires that have been distributed in the form of google forms to obtain information. All the data obtained was analyzed using the "Statistical Package for Social Science" (SPSS) software. The results of the study found that parents are aware of their role in learning the Quran online. Their responsibility and focus is important in helping children learn the Quran in this situation. Therefore, it shows a positive impact but the children still need help from their parents to facilitate and launch the learning process of this al-Quran class. Therefore, this awareness and good culture should be given wider attention to the appreciation of the Qur'an in all levels of society.

Keywords:

Perception of parents, Quranic learning, Online Quranic learning, role of parents.

ABSTRAK

Pandemik yang melanda negara telah menyebabkan pembelajaran al-Quran yang sebelum ini dilakukan secara bersemuka terpaksa dijalankan secara atas talian. Maka kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi ibu bapa terhadap peranan yang mempengaruhi pembelajaran al-Quran secara atas talian. Kajian ini telah dijalankan di sebuah Sekolah Rendah Islam di negeri Kelantan iaitu Sekolah Rendah Islam al-Amin Tropicana Kota Bharu, Kelantan. Seramai 103 orang responden yang terdiri daripada pelajar darjah satu sehingga darjah enam terlibat



dalam kajian ini. Instrumen kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran borang soal selidik yang telah diedarkan dalam bentuk *google form* untuk mendapatkan maklumat. Keseluruhan data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa ibu bapa sedar peranan mereka terhadap pembelajaran al-Quran secara atas talian. Tanggungjawab dan tumpuan mereka penting dalam menyokong pembelajaran al-Quran anak-anak dalam situasi ini. Justeru itu, ianya menunjukkan impak yang positif namun anak-anak masih memerlukan bantuan daripada ibu bapa mereka untuk memudahkan serta melancarkan lagi proses pembelajaran kelas al-Quran ini. Lantaran itu, kesedaran dan budaya yang baik ini hendaklah diberi perhatian yang lebih luas lagi terhadap penghayatan al-Quran dalam segenap lapisan masyarakat.

Kata Kunci: *Persepsi ibu bapa, peranan ibu bapa, pembelajaran al-Quran, Pembelajaran al-Quran atas talian,*

1.0 PENGENALAN

Fenomena pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia serta negara pada tahun 2020 telah menyebabkan semua pembelajaran dijalankan secara atas talian sepenuhnya (Siti Syahirah Md Shahrudin, 2022). Dalam situasi ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran al-Quran anak-anak dengan menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran al-Quran sebelum pandemik adalah secara bersemuka, bagi memastikan pelajar dapat menguasai pelbagai kemahiran dalam tilawah al-Quran seperti membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat al-Quran (Nawwarah Binti Rahiman, 2022). Namun disebabkan ujian besar pandemik Covid-19, maka penutupan pelbagai sektor, memberi kesan khususnya terhadap bidang pendidikan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dibenarkan secara bersemuka semasa tempoh kawalan pergerakan.

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula memperkenalkan konsep pengajaran dan pembelajaran di rumah pada tahun 2020 bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan seperti biasa walaupun secara atas talian. Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya ini adalah yang pertama kali berlaku dalam pendidikan di Malaysia (Nurul Azwani Mohd Idriki, 2022). Maka, situasi ini tidak mungkin untuk meneruskan pembelajaran al-Quran secara langsung atau secara bersemuka. Proses pembelajaran ini perlu dikendalikan secara atas talian. Kesannya situasi ini turut mempengaruhi proses pembelajaran al-Quran secara atas talian (Ahmad Mujahideen, 2022).

Proses pengajaran al-Quran secara atas talian bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh guru mahupun murid. Banyak permasalahan dan cabaran yang timbul semasa melakukan pengajaran atas talian. Menurut Mohd Azmir dan Mohd Azrani (2010) semenjak program j-QAF dijalankan, ramai ibu bapa yang tidak menghantar anak mereka belajar membaca al-Quran di luar. Ini menjadikan mereka bergantung sepenuhnya kepada guru untuk mempelajari al-Quran. Data Unit j-QAF Sektor Pendidikan Islam (SPI) mendapati hanya 44.4% murid tahun enam daripada 11,000 orang murid di seluruh negeri Melaka dapat khatam al-Quran pada tahun 2019 (Omar, 2019). Hal ini dibimbangi akan menyebabkan pelajar lambat menguasai pembacaan al-Quran dan khatam al-Quran. Tambahan pula keadaan pandemik Covid-19 menjadikan pengajaran dalam talian suatu kemestian untuk guru dan murid. Jika tidak dilakukan, matlamat khatam al-Quran itu tidak dapat dicapai kerana masih terdapat murid yang gagal menghabiskan sukatan khatam al-Quran (Siti Nurfitri Moyang, 2022).

Dapatan kajian Rosfazila Abd Rahman (2022) mendapati bahawa permasalahan yang banyak terjadi ketika pembelajaran atas talian adalah antaranya, ibu bapa tidak mahir mengoperasikan media atas talian, masalah capaian internet di rumah dan terdapat juga sebahagian besar ibu bapa yang latar belakang ekonomi tidak stabil mampu menyediakan smartphone sebagai instrumen yang diperlukan untuk belajar secara atas talian bagi anak mereka.



Oleh demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis peranan ibu bapa dalam mempengaruhi pembelajaran al-Quran secara atas talian

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma (2000), yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian.

Kajian telah dilaksanakan terhadap 103 orang ibu bapa kepada pelajar Sekolah Rendah Islam (SRI) al-Amin Tropicana Kota Bharu kemasukan tahun 2022. Pemilihan populasi yang tertumpu kepada pelajar sekolah rendah berbanding sekolah menengah kerana merujuk kepada kajian Nur Hanisah Ahmad Saifudin (2021) mendapati 9 daripada 10 kanak-kanak pelajar sekolah rendah menggunakan alat peranti digital bagi tujuan pembelajaran atas talian. Alatan ini juga kebiasaannya dikongsikan bersama adik-beradik yang lain disebabkan ibu bapa mereka bekerja. Maka ini menyebabkan adakala mereka tidak dapat mengikut kelas secara teratur dan menjadi cabaran utama kepada pelajar sekolah rendah. Sampel ini dipilih berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) bilangan populasi seramai 146 orang adalah memerlukan sampel berjumlah 103 orang.

Jadual Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Nilai Min	Interpretasi
1.00-2.33	tahap rendah
2.34-3.66	tahap sederhana
3.67-5.00	tahap tinggi

Sumber: Ahmad Mujahideen Haji Yusoff (2022)

2.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratusan dan min dijalankan untuk mengkaji peranan ibu bapa terhadap pembelajaran al-Quran secara atas talian.

Item	Sts	Ts	Tp	S	Ss	Min	Interpretasi
Ibu bapa wajib menyediakan keperluan asas anak-anak.	0	0	0	13 12.6%	90 87.4%	4.87	Tinggi
Ibu bapa harus memberi sokong dan dorongan kepada anak-anak dari segi pembelajaran.	0	0	0	12 11.7%	91 88.3%	4.88	Tinggi
Saya prihatin terhadap pembelajaran anak-anak saya.	0	0	3 2.9%	23 22.3%	77 74.8%	4.72	Tinggi
Saya sentiasa menyediakan kemudahan telefon pintar dan internet di rumah untuk pembelajaran anak saya.	0	4 3.9%	7 6.8%	40 38.8%	52 50.5%	4.36	Tinggi
Saya sentiasa menyediakan tempat yang selesa untuk pembelajaran anak saya.	0	0	2 1.9%	36 35.0%	65 63.1%	4.61	Tinggi
Saya sentiasa membantu anak saya	0	0	6	51	46	4.39	Tinggi



dalam menguruskan masa dan aktiviti pembelajaran.			5.8%	49.5%	44.7%		
Saya sentiasa memperuntukkan masa untuk pembelajaran anak saya.	0	0	12 11.7%	64 62.1%	27 26.2%	4.15	Tinggi
Pentingnya guru sebagai pembimbing dalam pembelajaran anak-anak.	0	0	2 1.9%	18 17.5%	83 80.6%	4.79	Tinggi
Pembelajaran al-Quran atas talian memberi kesan positif kepada anak saya.	1 1.0%	9 8.7%	24 23.3%	37 35.9%	32 31.1%	3.87	Tinggi
Saya konsisten memantau perkembangan anak saya ketika pembelajaran al-Quran secara atas talian	0	8 7.8%	19 18.4%	55 53.4%	21 20.4%	3.86	Tinggi
Anak saya tidak seronok belajar al-Quran atas talian.	9 8.7%	37 35.9%	32 31.1%	21 20.3%	4 3.9%	2.75	Sederhana
Tahap penguasaan bacaan al-Quran anak-anak menurun selepas pembelajaran atas talian.	13 12.6%	32 31.1%	27 26.2%	24 23.3%	7 6.8%	2.81	Sederhana
Pembelajaran al-Quran atas talian tidak boleh dilakukan disebarang tempat dan masa.	9 8.7%	28 27.2%	20 19.4%	33 32.0%	13 12.6%	3.13	Sederhana
Pembelajaran al-Quran atas talian tidak efektif melalui atas talian kecuali bersemuka.	7 6.8%	29 28.2%	17 16.5%	35 34.0%	15 14.6%	3.21	Sederhana
Daya fokus anak saya terganggu ketika pembelajaran atas talian.	5 4.9%	23 22.3%	21 20.4%	38 36.9%	16 15.5%	3.36	Sederhana
Anak saya tidak aktif semasa mengikuti pembelajaran al-Quran atas talian.	7 6.8%	28 27.2%	25 24.3%	38 36.9%	5 4.9%	3.06	Sederhana
Anak saya tidak mampu konsisten atas jadual pengajian al-Quran seperti yang ditetapkan.	8 7.8%	39 37.9%	20 19.4%	31 30.1%	5 4.9%	2.86	Sederhana
Anak saya tidak dapat menuruti arahan yang diminta tenaga pengajar semasa kelas pengajian al-Quran secara atas talian.	12 11.7%	39 37.9%	21 20.4%	28 27.2%	3 2.9%	2.72	Sederhana
Min keseluruhan						3.8	Tinggi

Jadual 1

Dapatan menunjukkan bahawa sepuluh item mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi, lapan item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana. Maka jumlah keseluruhan item adalah 18 item.

Terdapat sepuluh item yang mendapat min pada tahap interpretasi tinggi iaitu merujuk ibu bapa wajib menyediakan keperluan asas anak-anak (min=4.39). Seterusnya item ibubapa harus memberi sokong dan dorongan kepada anak-anak dari segi pembelajaran. (min=4.88). Manakala bagi item saya prihatin terhadap pembelajaran anak-anak saya (min=4.72). Manakala item Saya sentiasa menyediakan kemudahan telefon pintar dan internet di rumah untuk pembelajaran anak saya (min=4.35). Item saya sentiasa menyediakan tempat yang selesa untuk pembelajaran anak saya. (min=4.61) dan item saya sentiasa membantu anak saya dalam menguruskan masa dan aktiviti pembelajaran. (min=4.39). Item Saya sentiasa memperuntukkan masa untuk pembelajaran anak saya



(min=4.15). Item bagi pentingnya guru sebagai pembimbing dalam pembelajaran anak-anak (min=4.79). Item pembelajaran al-Quran atas talian memberi kesan positif kepada anak saya (min= 3.87). Manakala yang terakhir min pada tahap interpretasi tinggi adalah saya konsisten memantau perkembangan anak saya ketika pembelajaran al-Quran secara atas talian (min=3.86). Ini menunjukkan ibu bapa memahami dan mengambil peranan yang sangat penting dalam menyokong pembelajaran anak dengan menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa. Selain itu ibu bapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai penasihat memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak.

Terdapat enam item negatif yang mendapat min pada tahap interpretasi sederhana iaitu pada item tidak seronok belajar al-Quran atas talian. (min=2.75). Item pembelajaran al-Quran atas talian tidak boleh dilakukan di sembarang tempat dan masa (min=3.13), Pembelajaran al-Quran atas talian tidak efektif melalui atas talian kecuali bersemuka (min= 3.21), anak saya tidak aktif semasa mengikuti pembelajaran al-Quran atas talian (min=3.06), anak saya tidak mampu konsisten mengikut jadual pengajian al-Quran seperti yang ditetapkan (min=2.86) dan item terakhir iaitu anak saya tidak dapat menuruti arahan yang diminta tenaga pengajar semasa kelas pengajian al-Quran secara atas talian (min=2.72). Ini menunjukkan pelajar tidak dapat memberi tumpuan dan fokus sepenuhnya semasa pembelajaran secara atas talian berbanding kelas secara bersemuka.

Manakala dua item lagi yang mendapat min tahap interpretasi sederhana adalah pada item tahap penguasaan bacaan al-Quran anak-anak menurun selepas pembelajaran atas talian (min= 2.81) dan item daya fokus anak terganggu ketika pembelajaran atas talian (min=3.36). Ini menunjukkan proses pembelajaran al-Quran secara atas talian bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh pelajar. Banyak permasalahan dan cabaran yang timbul semasa melakukan pengajaran atas talian. Boleh jadi persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran juga menjadi faktor utama menyumbang kepada pelajar tidak fokus. Seterusnya, masalah capaian internet dan kurang sokongan ibu bapa terhadap pelajar yang lemah juga boleh jadi faktor kepada masalah ini.

4.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan utama untuk anak-anak dalam menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal, kesihatan, pemakanan dan keselamatan. Keperluan asas yang disediakan bermula dari peringkat pra sekolah sehinggalah tamat persekolahan. Bukan itu sahaja sokongan, dorongan serta keprihatinan mereka perlu dicurahkan terhadap pembelajaran anak. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian bagi item satu, dua dan tiga yang menunjukkan majoriti ibu bapa bersetuju mereka menjalankan tanggungjawab ini terhadap anak-anak mereka. Kenyataan ini disokong oleh kajian Zaiton Sharif (2017) yang menyatakan bahawa peranan ibu bapa juga merangkumi tahap motivasi ibu bapa, sikap, sokongan dan komitmen mereka akan mempengaruhi pencapaian kanak-kanak di sekolah serta mempengaruhi sosioemosi anak dari segi keyakinan diri. Mereka menjadi lebih berani kerana mendapat sokongan dan dorongan daripada ibu bapa dalam setiap apa yang mereka.

Seterusnya peranan ibu bapa juga perlu dalam menyediakan kemudahan telefon pintar dan tempat yang selesa bagi anak-anak mengikuti pembelajaran atas talian. Ibu bapa berbeza pendapat di sini khususnya bagi ibu bapa yang mempunyai bilangan anak yang agak ramai bagi yang mempunyai satu atau dua orang ini tidak menjadi masalah untuk mereka tetapi bagi yang mempunyai anak empat orang dan ke atas menyediakan peranti dan tempat yang selesa adalah satu kesukaran, dapatan ini juga sejajar dengan kajian Irma Mahad et.al (2020) yang mendapati faktor sosio ekonomi mempengaruhi pembelajaran atas talian di rumah. Beliau mendapati sumber pendapatan daripada ibu bapa yang akan menentukan sama ada pelajar itu bersedia atau tidak dalam mengikuti pembelajaran atas talian. Bagi ibu bapa yang mampu, mereka boleh menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta alat kemudahan peranti yang baik buat anak-anak mereka. Manakala keluarga yang berpendapatan rendah dalam purata isi rumah tidak lebih daripada RM3860 dalam kategori B40, biasanya mempunyai masalah dalam menyediakan kemudahan pembelajaran tersebut.



Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan ibu bapa yang mempunyai pendidikan lebih tinggi lebih cenderung memperuntukkan masa untuk pembelajaran anak mereka serta membantu pengurusan masa anak ketika pembelajaran. Perbezaan ini mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian pada latar belakang ibu bapa yang 90% ibu bapa berlatar belakang pendidikan tinggi. Ini bertepatan dengan hasil kajian Aida Hartini Mahmud dan Zolkepli Haron (2017) yang menunjukkan selain daripada faktor sosioekonomi, latar belakang ibu bapa juga mempengaruhi pembelajaran anak-anak di rumah. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik cenderung untuk terlibat dalam pembelajaran anak-anak mereka di rumah mereka juga mempunyai komunikasi yang baik dengan pihak sekolah berbanding ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah.

Dalam pada itu, ibu bapa mempunyai pelbagai pendapat berkenaan kesan positif pembelajaran al-Quran secara atas talian. Majoriti ibu bapa bersetuju kesan positif ini terhadap anak mereka. Namun ada segelintir ibu bapa yang tidak bersetuju kerana berpendapat bahawa pembelajaran al-Quran secara atas talian ini menyebabkan daya fokus anak mereka berkurangan. Selain itu, anak-anak menjadi kurang aktif, malahan tidak seronok mengikuti pembelajaran al-Quran atas talian. Menurut Aqilah Mior Kamarulbaid (2020) anak yang berumur lima atau enam tahun hanya mampu fokus sepuluh minit yang pertama sahaja. Oleh itu, ada juga yang ibu bapa yang menyatakan pembelajaran al-Quran secara atas talian ini menyebabkan tahap bacaan anak mereka semakin menurun tetapi pengkaji berpendapat bahawa bagi pelajar yang berumur 10-12 tahun kadar fokus mereka lebih tinggi. Oleh demikian, mereka mampu untuk menumpukan perhatian terhadap pembelajaran secara atas talian dan juga pembacaan al-Quran mereka meningkat serta semakin baik.

Seterusnya hasil dapatan kajian juga menunjukkan ibu bapa memperuntukkan masa untuk konsisten memantau perkembangan anak mereka ketika pembelajaran al-Quran secara atas talian. Melalui pemantauan ini juga dapat membantu anak untuk konsisten mengikut jadual yang disediakan dan sekiranya ada arahan dari guru yang diperlukan semasa kelas dijalankan dengan adanya ibu bapa disisi anak lebih mudah untuk membantu anak ketika kelas dijalankan. Hasil dapatan menunjukkan 100% merupakan ibu bapa yang berkerjaya, namun masih mampu untuk menyediakan masa khusus untuk anak mereka ini menunjukkan kesibukan ibu bapa berkerja bukan satu halangan kepada mereka untuk memantau anak-anak, dapatan ini mempunyai hasil yang berbeza dengan kajian Tenh Ching Ling et.al (2021) yang menyatakan kesibukan ibu bapa berkerja menjadi salah satu halangan bagi anak-anak untuk meneruskan pembelajaran atas talian. Oleh kerana ketiadaan masa dan terikat dengan tuntutan kerja menjadikan ibu bapa tidak dapat memberikan sepenuhnya perhatian serta membantu membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa menyatakan anak-anak mereka seronok mengikuti pembelajaran al-Quran atas talian. Namun ada juga ibu bapa yang kurang setuju dengan menyatakan sebaliknya. Ini terjadi kerana kanak-kanak sukar untuk fokus ketika kelas secara atas talian. Menurut Aqilah Mior Kamarulbaid (2020) mereka ini hanya dapat fokus kurang dari 10 minit yang pertama sahaja, setelah itu mereka sudah tidak dapat menumpukan perhatian terhadap kelas pengajian itu bagi pelajar yang berumur lima dan enam tahun. Namun begitu pelajar yang sudah berumur dalam lingkungan 11 tahun dan 12 tahun daya fokus mereka ini lebih tinggi. Justeru itu, ramai juga mampu untuk fokus.

Terdapat pelbagai pendapat daripada ibu bapa berkaitan dengan pembelajaran al-Quran atas talian ini. Ada yang berpandangan ianya tidak efektif melalui atas talian kecuali bersemuka. Namun ada juga yang berpendapat sebaliknya. Hasil dapatan kajian Nur Amirah Abd Rani (2021) menjelaskan, walaupun proses pembelajaran berlaku secara atas talian, pelajar masih boleh mempelajari kaedah tahsin dan talaqqi secara langsung dengan guru dengan meniru sebutan makhraj huruf dari setiap gerak bibir guru. Sekiranya pelajar mengalami masalah dalam proses pembelajaran, guru tetap boleh menegur dan memperbaiki sebutan pelajar secara langsung menjadikan proses pembelajaran menjadi mudah. Melalui pendekatan ini, individu tanpa asas al-Quran juga dapat membaca al-Quran dengan betul. Oleh demikian, ia tidak menjadi halangan kepada kepada anak-anak untuk meneruskan pembelajaran ini secara atas talian.



5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya pembelajaran al-Quran ini mempunyai sambutan yang sangat baik daripada ibu bapa dan pelajar. Namun tidak semua ibu bapa bersetuju dengan pembelajaran al-Quran ini diteruskan secara atas talian. Keberkesanan pembelajaran al-Quran secara atas talian adalah tidak seimbang kerana mereka mempunyai cara dan persepsi tersendiri untuk menentukan kaedah pembelajaran anak-anak mereka, sama ada secara bersemuka mahupun atas talian. Proses pembelajaran al-Quran secara atas talian bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh pelajar. Boleh jadi persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran, menjadi faktor utama menyumbang kepada pelajar tidak fokus. Seterusnya, masalah capaian internet dan kurang sokongan ibu bapa terhadap pelajar yang lemah juga boleh jadi faktor kepada masalah ini. Namun, hasil dapatan kajian ini menunjukkan impak positif terhadap pelajar yang mengikut pembelajaran al-Quran secara atas talian. Walaupun pelbagai cabaran wujud ketika pembelajaran al-Quran ini dijalankan, tetapi masih menunjukkan satu perkembangan yang baik.

RUJUKAN

- Ahmad Mujahideen, H. Y. (2022). *Keberkesanan Pengajian al-Quran Secara Atas Talian: Kajian Dalam Kalangan Pelajar OUM*. International Journal of Education, 75-84.
- Aida Hartini Mahmud dan Zolkepeli Haron (2017). *Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Di Sekolah Rendah*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali ke-2 (PASAK 2017) <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017.E>-ISBN: 978-967-0850-94-8.
- Aqilah Mior Kamarulbaid (2020 November 26) *Utusan Malaysia* <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/11/kanak-kanak-susah-fokus-kelas-online/>
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran, and Intan Nur Syuhada Hamzah, (2021) *Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 11 (1). pp. 16-28. ISSN 2180-4842.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research*. Educational And Psychological Measurement, 607-610.
- Nawwarah Binti Rahiman, R. H. (2022). *Perbezaan Kaedah Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka Dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 dan Endemik*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 86-94.
- Nur Amirah, A. R. (2021, Julai 26). *Kaedah mudah belajar al-Quran, mahir dalam masa singkat*. Retrieved from MyMetro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734892/kaedah-mudah-belajar-al-quran-mahir-dalam-masa-singkat>
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin, M. I. (2021). *Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah*. Jurnal Dunia Pendidikan , 250-264.
- Nurul Azwani Mohd Idriki, T. B. (2022). *Moral, Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Talian: Cabaran Guru Pendidikan*. Muallim Journal of Social Science and Humanities, 16-55.
- Omar, H. (2019, November 14). *Harian Metro*. Retrieved from MyMetro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517173/lebih-700-murid-tak-boleh-mengaji-al-Quran>.
- Rosfazila Abd Rahman, M. Y. (2022). *Pembelajaran Fasa Pendemik Dan Pengaruhnya Terhadap Pencapaian Pelajar Siswazah*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7, (pp. 1605-1614).



Siti Nurfitri Moyang, K. A. (2022). *Kompetensi Guru Pendidikan Islam Menggunakan Google Meet Untuk Pengajaran al-Quran*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 2-17.

Siti Syahirah Md Shahrudin, N. S. (2022). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Sepanjang Pandemik Covid-19*. Proceeding of the 9 International Conference on Management and Muamalah, 444-453.

Tenh Ching Ling, S. S. (2021). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Atas Talian Berdasarkan Tahap Kepuasan Dan Halangan Yang Dihadapi*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 1-15.

Wiersma, W, *Research Methods In Education: An Introduction* (7 Edition), (Boston:Allyn&Bacon, 2000), 284.

Zaiton Sharif, G. a. (2017). *Sokongan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Pendidikan Khas*. SEAMEO SEN ICSE, 356-366.